

Faktor Yang Mempengaruhi Pendekatan Keibubapaan Dalam Kalangan Keluarga Muslim Masyarakat Madani

Factors Influencing Parenting Style Among Muslim Families in Civil Society

Nazneen Ismail¹, Anis Sholehah Roshidi²

¹ Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor

² Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor

Email: ¹ nazneen@uis.edu.my, ² 21bi03004@undergrad.uis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong ibu bapa daripada keluarga Muslim dalam masyarakat madani mengamalkan pendekatan keibubapaan tertentu. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk fenomenologi, data diperoleh daripada protokol temu bual bersama tiga orang peserta kajian yang merupakan ibu bapa Muslim dengan anak-anak berusia antara 15 hingga 23 tahun. Hasil kajian dianalisis secara induktif dan merumuskan lima tema utama yang mempengaruhi pendekatan keibubapaan, iaitu: (i) latar belakang dan pengalaman peribadi ibu bapa, termasuk usaha memutuskan kitaran trauma atau kesukaran silam; (ii) komunikasi dan kerjasama antara pasangan dalam menyelaraskan didikan; (iii) latar belakang pendidikan ibu bapa yang melibatkan kesedaran untuk terus menimba ilmu keibubapaan; (iv) pegangan agama sebagai asas dan neraca utama dalam membentuk sahsiah anak; serta (v) adaptasi dengan keperluan semasa bagi mendepani cabaran teknologi dan perubahan sosial. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan keibubapaan tidak berlaku secara spontan, sebaliknya merupakan hasil interaksi pelbagai faktor yang saling melengkapi demi menjamin kesejahteraan psikologi dan perkembangan diri anak-anak dalam realiti kehidupan moden.

Kata kunci: Pendekatan keibubapaan; Keluarga Muslim; Masyarakat Madani

ABSTRACT

This study aimed to identify the factors that motivate parents from Muslim families in civil society to adopt a particular parenting approach. Using a qualitative approach through phenomenological design, data were obtained from interview protocols with three study participants who were Muslim parents with children aged between 15 and 23 years. The results of the study were analyzed inductively and summarized five main themes that influence the parenting approach, namely: (i) the personal background and experiences of the parents, including efforts to break the cycle of past trauma or difficulties; (ii) communication and cooperation between spouses in coordinating education; (iii) the educational background of the parents which involves the awareness to continue to gain parenting knowledge; (iv) religious beliefs as the basis and main balance sheet in shaping the personality of children; and (v) adaptation to current needs to face technological challenges and social change.



Overall, this study shows that the parenting approach does not occur spontaneously, but rather is the result of the interaction of various factors that complement each other in order to guarantee the psychological well-being and self-development of children in the realities of modern life.

Keywords: Parenting styles, Muslim families, Civil society

PENDAHULUAN

Keibubapaan merupakan proses pendidikan dan pembentukan sahsiah anak yang berlangsung dalam lingkungan keluarga. Dalam konteks masyarakat Muslim, tugas mendidik anak tidak hanya dilihat sebagai tanggungjawab sosial tetapi juga sebagai amanah dan ibadah. Ibu bapa berperanan sebagai *tarbiyah pertama* kepada anak sejak lahir sehingga dewasa, seterusnya membentuk insan yang berakhlak mulia dan berdaya saing dalam masyarakat madani (Ismail et al., 2024).

Pelbagai nilai keibubapaan Islam melibatkan aspek moral, spiritual dan pendidikan yang bersandarkan Quran dan Sunnah, di mana ibu bapa dituntut untuk mendidik anak dalam persekitaran yang penuh kasih sayang serta tegas dengan batas yang jelas. Interaksi keluarga seperti komunikasi, kefungisian keluarga dan kemahiran keibubapaan mempengaruhi bagaimana anak berkembang dari segi emosi, sosial, dan sahsiah (Hassan et al., 2014).

Kajian dalam konteks masyarakat madani penting kerana ia memerlukan pendekatan keibubapaan yang bukan sahaja membentuk individu muslim yang berilmu tetapi juga bersifat prihatin terhadap keharmonian sosial. Pendekatan ini mungkin terkesan oleh pelbagai faktor seperti latar belakang pendidikan ibu bapa, kefungisian keluarga, nilai agama, status sosioekonomi, serta pengaruh budaya dan komuniti (Dwinandita, 2024).

Tambahan pula, ibu bapa hari ini berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam mendidik anak-anak khususnya dari segi komunikasi dan penerapan nilai murni. Ini terkait dengan faktor seperti kesibukan kerja, perbezaan pemahaman antara ibu bapa dan anak, pengaruh gajet serta kurangnya kemahiran mengawal emosi dan komunikasi secara efektif (Ismail et al., 2020; Rahmi et al., 2021). Di samping itu, kekurangan ilmu pengetahuan tentang kemahiran keibubapaan serta pengetahuan yang rendah mengenai agama Islam dalam kalangan segelintir ibu bapa turut menyukarkan proses penerapan nilai murni dan moral kepada anak-anak (Rahmi et al., 2021).

Selain itu, ibu bapa hari ini turut mengalami kebimbangan berlebihan tentang masa depan pendidikan anak-anak sehingga cenderung memberikan tekanan yang lebih tinggi dan mengakibatkan anak-anak hilang minat serta mengalami kelesuan dalam belajar. Hakikatnya kebimbangan ibu bapa tidak memberi kesan kepada anak-anak secara langsung. Namun, kebimbangan berlebihan menjadikan ibu bapa mengalami kelesuan emosi yang dirasai dan dilihat oleh anak lalu kemudiannya menjejaskan minat belajar mereka (Wu et al., 2022).

Meskipun ibu bapa berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam mendidik, terdapat tiga asas dalam menentukan kualiti pendidikan dan pembangunan anak-anak iaitu kemahiran keibubapaan, kefungisian keluarga dan kesejahteraan psikologi ibu bapa. Kemahiran keibubapaan adalah suatu tingkah laku yang dipengaruhi oleh budaya setempat, nilai yang dipegang, personaliti keluarga, kebersamaan dalam keluarga, kualiti masa yang diberikan untuk keluarga, perkahwinan, sokongan moral dan sosial. Jika kefungisian keluarga dan kesejahteraan psikologi tidak diperoleh, maka anak-anak mungkin membesar dengan personaliti yang cepat marah, pasif, banyak memberikan masalah dan sukar menyesuaikan diri dengan keadaan dan boleh dianggap sebagai anak-anak yang bermasalah (Desa et al., 2015). Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor yang mendorong ibu bapa keluarga Muslim masyarakat madani mengamalkan pendekatan keibubapaan tertentu.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi pendekatan keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa. Pendekatan keibubapaan merupakan faktor utama dalam pembentukan perkembangan emosi, sosial dan kognitif anak. Kajian terkini menunjukkan bahawa gaya keibubapaan tidak bersifat statik, sebaliknya dipengaruhi oleh pelbagai faktor multidimensi termasuk aspek psikologi, sosioekonomi, budaya dan pengalaman intergenerasi (Babu et al., 2024). Oleh itu, sorotan literatur ini meneliti faktor-faktor utama yang mempengaruhi pendekatan keibubapaan berdasarkan kajian empirikal.

Faktor Sosioekonomi dan Pendidikan Ibu Bapa

Status sosioekonomi (SES) merupakan antara faktor paling konsisten mempengaruhi pendekatan keibubapaan. Kajian oleh Gandarillas et al. (2024) mendapati bahawa keluarga dengan tahap ekonomi rendah cenderung mengamalkan gaya keibubapaan yang lebih bersifat kawalan tinggi dan kurang responsif, berbanding keluarga berpendapatan tinggi yang lebih cenderung kepada gaya autoritatif. Selain itu, tahap pendidikan ibu bapa turut memainkan peranan penting dalam membentuk pendekatan keibubapaan. Ibu bapa yang berpendidikan tinggi lebih cenderung menggunakan pendekatan yang berasaskan komunikasi, rasional dan sokongan emosi (Wang et al., 2024). Ini menunjukkan bahawa sumber ekonomi dan tahap pengetahuan mempengaruhi keupayaan ibu bapa dalam membuat keputusan keibubapaan yang efektif.

Faktor Psikologi dan Tekanan Kehidupan

Seterusnya, faktor psikologi seperti tekanan (stress), kemurungan dan kesejahteraan mental ibu bapa turut memberi kesan signifikan terhadap gaya keibubapaan. Kajian oleh Prime et al. (2020) dan disokong oleh Babu et al. (2024) menunjukkan bahawa tekanan luaran seperti pandemik menyebabkan perubahan ketara dalam tingkah laku keibubapaan, termasuk peningkatan autoritarianisme dan penurunan responsiviti terhadap anak. Sebaliknya, ibu bapa yang mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang tinggi lebih cenderung mengamalkan gaya keibubapaan yang positif, seperti sokongan emosi dan komunikasi terbuka. Ini menunjukkan bahawa kestabilan emosi ibu bapa adalah prasyarat penting kepada keibubapaan yang berkesan.

Faktor Intergenerasi dan Pengalaman Lampau

Antara faktor lain yang mempengaruhi pendekatan keibubapaan ialah pengalaman individu semasa dibesarkan. Kajian oleh Li et al. (2024) mendapati bahawa gaya keibubapaan cenderung diwarisi secara intergenerasi sama ada ibu bapa mengadaptasi atau menolak pendekatan yang pernah mereka alami semasa kecil. Konsep *intergenerational transmission of parenting* menjelaskan bahawa pengalaman negatif seperti pengabaian atau kekerasan boleh membawa kepada dua kemungkinan: pengulangan corak yang sama atau usaha untuk memutuskan kitaran tersebut (*breaking the cycle*).

Faktor Ciri Individu Ibu Bapa dan Anak

Di samping itu, faktor ciri individu ibu bapa dan anak turut memainkan peranan penting dalam menentukan pendekatan keibubapaan. Kajian lepas turut menunjukkan bahawa faktor seperti personaliti ibu bapa (Wright & Jackson 2024; Sahithya & Raman, 2021; Vafaenejad et al., 2020), jantina (Liu 2023; Israr & Mazhar, 2025; Ramesh & Ramana, 2023; Sahithya & Raman, 2021) serta bilangan anak (Dharmalingam & Rajanthiran, 2020) mempengaruhi gaya keibubapaan yang diamalkan. Selain itu, ciri anak seperti temperamen, umur dan keperluan khas turut mempengaruhi respons ibu bapa. Anak yang mempunyai temperamen sukar cenderung menerima pendekatan yang lebih kawalan, manakala anak yang mudah diurus menerima pendekatan yang lebih fleksibel. Keadaan juga boleh berbeza sekiranya temperamen sukar anak ditambah pula dengan keibubapaan yang negatif. Ini akan meningkatkan lagi tingkah laku agresif dan ketidakpatuhan anak (Brown et al. 2022).

Faktor Struktur Keluarga dan Sokongan Pasangan

Struktur keluarga, termasuk kehadiran ibu bapa dan kualiti hubungan antara pasangan, turut mempengaruhi pendekatan keibubapaan. Kajian menunjukkan bahawa sokongan pasangan yang tinggi meningkatkan keupayaan ibu bapa untuk mengamalkan gaya keibubapaan yang positif dan konsisten (Belsky & Pensky 1989; Augustjin 2023). Sebaliknya, konflik rumah tangga boleh menyebabkan ketidakstabilan dalam pendekatan keibubapaan dan memberi kesan negatif kepada perkembangan anak (Brown et al. 2022).

Faktor Budaya dan Nilai Sosial

Budaya dan nilai sosial turut memainkan peranan penting dalam membentuk norma dan amalan keibubapaan. Kajian menunjukkan bahawa masyarakat kolektivistik cenderung mengamalkan gaya keibubapaan yang lebih autoritarian, manakala masyarakat individualis lebih cenderung kepada gaya autoritatif (Bornstein, 2022; Masamba 2024). Kajian-kajian lepas turut menunjukkan pegangan agama atau religiositi mempengaruhi pendekatan keibubapaan khususnya dari segi pembinaan nilai dan etika keluarga, penentuan pendekatan disiplin anak (Samuel & Changwony, 2019; Rich et al., 2024), pembudayaan amalan agama, penglibatan ibu bapa dalam pengamalan agama anak (Mushlih, 2025; Rich et al, 2024) serta pembentukan identiti dan karakter anak (Mushlih, 2025; Samuel & Changwony, 2019; Aisyah 2025). Kajian Rich et al. (2024) membincangkan peranan agama sebagai salah satu faktor yang menentukan gaya keibubapaan dalam sebuah keluarga. Ini kerana agama dan kepercayaan membentuk cara hidup serta cara berfikir seseorang di samping menjadi asas pembentukan nilai dan prinsip dalam diri anak-anak. Amalan beragama yang tinggi turut sering dikaitkan dengan peningkatan kemahiran keibubapaan dan hubungan keluarga yang lebih bermakna. Malah, kecerdasan rohani ibu bapa mampu meningkatkan kesejahteraan mental anak-anak serta prestasi akademik mereka.

Selain itu, terdapat juga pendekatan keibubapaan yang disifatkan sebagai melampau (*overparenting*) yang disifatkan sebagai gaya keibubapaan moden yang sangat intensif, berterusan (*relentless*) dan menuntut komitmen tinggi daripada ibu bapa. Ia berpunca daripada sosioekologi seperti persekitaran minimum yang dianggap lebih selamat berbanding ancaman luaran, peningkatan pergantungan kepada pengeluaran ekonomi yang memerlukan kemahiran tinggi menyebabkan ibu bapa melabur lebih banyak dalam pendidikan anak dan pengurangan bantuan daripada ahli keluarga lain atau komuniti dalam menjaga anak, menyebabkan beban tugas jatuh sepenuhnya kepada ibu bapa (Lawson & Chen, 2025)

Pendekatan Keibubapaan Berpusatkan Anak

Kajian lepas turut menunjukkan peralihan kepada pendekatan keibubapaan yang lebih berpusatkan anak (*child-centric parenting*), di mana keperluan emosi dan psikologi anak diberi keutamaan (James et al. 2013; Yaffe et al. 2024). Pendekatan ini menekankan komunikasi, empati dan penglibatan aktif ibu bapa dalam kehidupan anak. Ia turut menjadikan anak sebagai fokus utama dalam segala dinamika dan keputusan kehidupan keluarga. Berdasarkan kajian Yaffe et al. (2024), pendekatan ini memberi perhatian kepada perkembangan kanak-kanak dan keibubapaan positif. Ia dilihat sebagai satu trend kontemporari yang mengintegrasikan faktor psikologi dan sosial untuk meningkatkan kualiti hubungan antara ibu bapa dan anak dalam pelbagai konteks budaya. Walaupun begitu, pendekatan ini perlu dibezakan dengan *overparenting* yang menghalang sifat berdikari anak akibat penglibatan yang terlalu intensif dan menuntut.

Secara keseluruhannya, pendekatan keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa tidak berlaku secara spontan sebaliknya dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti sosioekonomi dan tahap pendidikan ibu bapa, psikologi dan tekanan kehidupan, intergenerasi dan pengalaman lampau, ciri individu ibu bapa dan anak, struktur keluarga dan sokongan pasangan, budaya dan nilai sosial serta pendekatan keibubapaan berpusatkan anak. Setiap faktor ini membentuk cara ibu bapa berinteraksi dengan anak-anak dan mencorakkan pendekatan didikan yang akhirnya memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi serta perkembangan diri anak-anak sama ada secara langsung atau tidak langsung. Maka, kajian ini melihat wujudnya keperluan untuk meninjau faktor pendekatan keibubapaan dalam konteks keluarga Muslim di Malaysia terutama dalam berhadapan dengan cabaran kontemporari seperti pascamodenisme dan digitalisasi seterusnya mencadangkan beberapa implikasi praktikal untuk dimanfaatkan oleh ibu bapa dan pihak berwajib.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk fenomenologi. Sampel dipilih dalam kalangan ibu bapa Muslim sekitar Lembah Klang yang mempunyai anak-anak dalam lingkungan umur 15 sehingga 23 tahun. Ini kerana ibu bapa yang mempunyai anak remaja telah melalui fasa mendidik dan pengalaman keibubapaan yang dianggap memadai bagi memenuhi

keperluan kajian ini. Pemilihan sampel dijalankan secara bola salji atas kesediaan peserta kajian untuk ditemu bual. Jadual 1 menunjukkan latar belakang peserta kajian secara ringkas.

Jadual 1: Latar Belakang Peserta Kajian

Kod Peserta Kajian	Umur	Jantina
R1	44 tahun	Perempuan
R2	47 tahun	Lelaki
R3	56 tahun	Perempuan

Instrumen yang digunakan bagi mendapatkan data kajian ini adalah protokol temu bual yang telah melalui kesahan dan kebolehpercayaan melalui semakan pakar bidang. Selain itu, kesediaan dan kerelaan peserta kajian turut diambil kira oleh pengkaji bagi mengelakkan berlakunya bias atau keterpaksaan yang boleh mengganggu dapatan kajian. Hasil temu bual seterusnya telah dianalisis secara induktif seperti yang dikemukakan oleh Miles et al. (2014). Model ini merangkumi tiga komponen utama iaitu reduksi data, penyajian data dan penarikan kesimpulan atau verifikasi. Melalui reduksi data, dapatan temu bual telah ditranskripsi dalam bentuk bertulis kemudian pengkaji memilih maklumat berkaitan, menumpukan kepada perkara yang menjawab persoalan kajian serta membuang elemen yang tidak relevan. Seterusnya, penyajian data dilakukan dengan menyusun maklumat hasil temu bual mengikut tema-tema tertentu berkaitan persoalan kajian. Data yang telah dianalisis kemudiannya dihuraikan secara ringkas bagi memudahkan pemahaman serta penilaian terhadap dapatan. Penyusunan ini membolehkan pengkaji melihat dengan lebih jelas faktor pendekatan keibubapaan dari perspektif peserta kajian. Selanjutnya, penarikan kesimpulan ialah langkah membuat kesimpulan berdasarkan dapatan yang telah dianalisis dengan teliti dan disemak semula berpandukan bukti yang diperoleh semasa temu bual dijalankan. Kaedah analisis ini dilakukan dengan menekankan beberapa aspek seperti menanggukkan andaian (bracketing) bagi mengelakkan bias pengkaji, pembacaan transkrip secara menyeluruh dan berulang kali serta mengembangkan makna menjadi tema tanpa terikat dengan teori awal. Bagi meningkatkan kredibiliti, pengkaji turut menjalankan semakan ringkasan tema oleh peserta kajian (*member checking*) dan perbincangan dengan rakan penyelidik untuk menilai kesesuaian tema (*peer debriefing*).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil temu bual menunjukkan bahawa setiap ibu bapa mempunyai alasan tersendiri dalam memilih pendekatan keibubapaan yang dirasakan paling sesuai dengan situasi mereka. Antara faktor yang mempengaruhi pendekatan ini termasuk latar belakang dan pengalaman ibu bapa, komunikasi antara pasangan, latar belakang pendidikan ibu bapa, pegangan agama dan adaptasi dengan keperluan semasa.

Latar Belakang dan Pengalaman Ibu Bapa

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman baik yang diperoleh melalui kehidupan peribadi mahupun pemerhatian terhadap orang terdekat memainkan peranan penting dalam pembentukan pendekatan keibubapaan. Ibu bapa sering kali dipengaruhi oleh pengalaman lalu mereka yang mempengaruhi pendekatan mereka mendidik anak-anak. Dalam hal ini, pengalaman hidup yang penuh cabaran atau kesusahan semasa kecil menjadi dorongan yang kuat bagi ibu bapa untuk mencipta kehidupan yang lebih baik buat anak-anak mereka. Menurut R2, pengalaman peribadi yang penuh cabaran semasa kecil terutamanya yang melibatkan perpecahan keluarga dan kesusahan hidup mendorong beliau untuk berusaha memberikan yang terbaik demi mengelakkan anak-anaknya melalui situasi yang sama. Katanya:

“Saya berpegang pada prinsip ini, saya tidak mahu anak saya merasai kehidupan yang serupa dengan apa yang saya lalui ketika kecil. Saya percaya, setiap ibu bapa tentunya mengharapkan agar anak-anak mereka tidak melalui kesulitan yang sama, dan sentiasa berusaha memberi yang terbaik demi kebahagiaan mereka.” (R2/17/23)

Hal ini mencerminkan kesadaran dan tanggungjawab ibu bapa untuk tidak mengulangi pengalaman pahit mereka kepada anak-anak, sebaliknya berusaha membentuk persekitaran yang lebih stabil dan penuh kasih sayang.

Menurut R2, beliau melalui fasa kehidupan yang mencabar sejak kecil, dibesarkan dalam sebuah keluarga yang berpecah serta diasuh oleh ibu tunggal. Pengalaman tersebut meninggalkan kesan yang mendalam dalam jiwa beliau, lantas membentuk pandangan beliau terhadap kehidupan dan tanggungjawab sebagai ibu bapa. Bagi insan yang pernah melalui kepedihan seperti ini, hasrat untuk melindungi anak-anak daripada derita yang serupa menjadi dorongan utama dalam memilih kaedah didikan yang lebih baik.

Selain itu, R2 turut berkongsi pengalaman hidup yang memperlihatkan hubungan yang renggang antara dirinya dan bapa. Menurut beliau, untuk bertemu dengan bapanya beliau perlu membuat temu janji terlebih dahulu atau hadir ke pejabat bapanya sendiri. Pengalaman ini menyedarkan beliau akan kepentingan kehadiran dan perhatian seorang ayah dalam kehidupan anak-anak. Beliau berazam untuk tidak mengulangi pengalaman yang sama terhadap anak-anaknya. Beliau mahu membina hubungan yang lebih erat dan mesra dengan anak-anak agar mereka sentiasa berasa dekat dengannya. Pengalaman silam yang menyakitkan itu menjadi pendorong untuk membentuk pendekatan keibubapaan yang lebih prihatin, penyayang dan sentiasa terlibat dalam kehidupan anak-anak.

Pendekatan ini disebut sebagai memutuskan kitaran kesukaran atau trauma antara generasi (*breaking the intergenerational cycle of adversity*). Antara kaedah yang dicadangkan oleh Schweigert & Tobin (2026) ialah kesadaran diri dan refleksi sebagaimana yang dirasai oleh R2, menambah ilmu pengetahuan, mendapatkan sokongan terapeutik, keibubaaan yang sengaja (*intentional parenting*) dan bukan keibubapaan reaktif berasaskan emosi serta bertindak sebagai agen daya tahan. Antara cara ibu bapa untuk menjadi agen daya tahan ialah dengan mewujudkan persekitaran yang stabil dan selamat untuk anak-anak, memberikan perhatian emosi yang konsisten dan sokongan yang kuat kepada anak-anak serta mempunyai keazaman yang kuat untuk memberikan kehidupan yang lebih baik daripada apa yang mereka telah alami (Woods-Jaeger et al., 2018).

Bagi R1, pengalaman sosial dan persekitaran turut memainkan peranan dalam membentuk pendekatan keibubapaan sesebuah keluarga. Beliau sering memerhatikan cara jiran tetangga yang berjaya membesarkan anak-anak dengan baik untuk dijadikan sebagai contoh ikutan. Malah, beliau tidak keberatan untuk bertanya dan berkongsi pandangan dengan jiran yang mempunyai anak-anak cemerlang demi mendapatkan panduan serta petua dalam mendidik anak-anak. R1 mengatakan:

“Saya juga suka memerhatikan contoh-contoh daripada orang terdekat, seperti jiran yang mempunyai anak yang berjaya, contohnya anaknya yang bakal doktor. Saya sering bertanya kepadanya mengenai rahsia kejayaan, pendekatan yang diterapkan dalam mendidik anak-anaknya, serta amalan yang beliau amalkan.” (R1/3/17)

Hal ini menunjukkan sikap terbuka dan inovatif ibu bapa dalam pendekatan keibubapaan di mana mereka bersedia mempelajari daripada pengalaman orang lain. Sikap proaktif dalam bertanya kepada individu yang berjaya dalam mendidik anak membantu mereka memperoleh panduan yang berguna dan menerapkan pendekatan yang lebih positif dalam membesarkan anak-anak. Pendekatan ini termasuk dalam pembelajaran pemerhatian yang diperkenalkan oleh Bandura (1977) iaitu ibu bapa memerhati dan meniru perbuatan orang lain dalam mendidik anak-anak. Malah, pada masa kini pembelajaran pemerhatian turut merangkumi ruang digital dan media massa. Gaya keibubapaan yang ditunjukkan atau dibincangkan secara maya menjadi ikutan atau contoh bagi ibu bapa lain.

Kesimpulannya, pengalaman peribadi dan sosial memainkan peranan penting dalam pembentukan pendekatan keibubapaan. Ibu bapa yang pernah melalui kesusahan atau pengalaman pahit sering berusaha untuk memberikan kehidupan yang lebih baik kepada anak-anak mereka dengan tujuan melindungi mereka daripada mengalami perkara yang sama. Selain itu, sikap terbuka dan proaktif dalam memerhati kejayaan orang lain serta bertanya tentang cara mendidik anak-anak dengan baik

menunjukkan komitmen ibu bapa untuk memperbaiki diri. Semua ini mencerminkan usaha ibu bapa untuk memperbaiki pendekatan keibubapaan mereka demi kesejahteraan dan kebahagiaan anak-anak.

Komunikasi antara Pasangan

Komunikasi yang baik antara ibu dan bapa memainkan peranan penting dalam menentukan pendekatan keibubapaan yang sesuai untuk anak-anak. Hubungan yang harmoni antara pasangan membolehkan wujudnya ruang perbincangan yang sihat kerana kedua-dua pihak dapat berkongsi pandangan, menyuarakan kebimbangan dan menilai keberkesanan kaedah yang digunakan. Perbincangan antara pasangan bukan sahaja membantu menyelesaikan isu tingkah laku anak secara bersama, malah mengelakkan salah faham dan sikap menyalahkan antara satu sama lain. Dalam konteks ini, setiap keputusan yang diambil menjadi hasil kerjasama dua figura penting dalam kehidupan anak. Hal ini ditegaskan oleh R1 yang menyatakan:

“Bagi saya memang kalau berbincang berkaitan dengan kaedah ni memang perlulah dengan pasangan sebab kita perlukan figura ibu dan juga bapa untuk model kepada anak-anak. Kalau macam ibu sendiri tak dapat nak selesaikan, kita discuss dengan pasangan, ayah dia kena cuba kaedah lain.” (R1/3/23)

Berdasarkan pernyataan ini, dapat dilihat bahawa komunikasi antara pasangan bukan sahaja penting untuk mencari kaedah yang paling sesuai dalam mendidik anak, malah turut mencerminkan nilai kerjasama dan saling melengkapi antara ibu dan bapa. Setiap pasangan memainkan peranan tersendiri sebagai model kepada anak-anak dan apabila salah seorang mengalami kesukaran, sokongan dan idea daripada pasangan boleh menjadi penyelesaian yang berkesan. Ini menunjukkan bahawa pendekatan keibubapaan yang berasaskan perbincangan dapat meningkatkan keutuhan peranan kedua-dua ibu bapa dalam membentuk kesejahteraan anak. R3 turut menyuarakan pandangan yang sama. Beliau menekankan bahawa hubungan yang baik antara suami isteri amat penting dalam usaha mendidik anak-anak. Perbincangan dan persefahaman sesama pasangan membantu menyelaraskan tanggungjawab keibubapaan agar lebih teratur. Katanya:

“Saya percaya bahawa hubungan antara suami isteri sangat penting dalam mendidik anak-anak. Perbincangan perlu dilakukan bersama pasangan agar kedua-duanya dapat memainkan peranan masing-masing. Kadangkala, jangan cepat beranggapan bahawa suami tidak ambil kisah hanya kerana ibu yang lebih ke hadapan. Ikhlas sahaja walaupun terasa penat. Misalnya, walaupun urusan menghantar anak ke tuisyen sering dilakukan oleh ibu, suami tetap dimaklumkan mengenai pusat tuisyen tersebut.” (R3/38/26)

Beliau menambah, kerjasama dan komunikasi yang baik antara suami isteri sangat penting apabila anak menghadapi cabaran tertentu. Apabila suami isteri dapat berbincang dan berkongsi pandangan, ia dapat membantu menyelesaikan masalah dengan lebih berkesan serta memastikan tindakan yang diambil lebih konsisten dan seiring. Setiap langkah yang diambil akan memberi kesan yang lebih positif kepada perkembangan anak kerana ia mencerminkan kesepakatan dan kekuatan dalam keluarga. Dalam menghadapi cabaran anak-anak, peranan kedua-dua ibu bapa sangat penting terutamanya dalam menangani isu-isu yang memerlukan perhatian bersama seperti masalah akhlak atau tingkah laku yang tidak diingini. Menurut R3:

“Jika anak menghadapi masalah akhlak, tidak kira pada usia berapa sekalipun, terutamanya anak lelaki yang kini banyak terdedah kepada pelbagai gejala negatif seperti merokok, penggunaan vape, dan sebagainya. Apabila kita menyedari perkara ini, penting untuk berbincang bersama pasangan tentang tindakan yang perlu diambil dan bagaimana kita mahu mengatasi isu tersebut.” (R3/38/34)

Dapatan ini selaras dengan kajian Augustjin (2023) dan Aktu (2024) yang menyatakan bahawa kerjasama dan keterlibatan pasangan ibu bapa dalam mendidik anak-anak berupaya meningkatkan kesejahteraan ibu bapa dan menyokong keibubapaan yang positif. Kunci kepada hubungan baik ini ialah saling menyokong dan komunikasi yang berkesan dalam menyelesaikan masalah keluarga yang terkait dengan anak-anak.

Perbincangan antara pasangan tidak hanya membantu dalam menangani isu tingkah laku anak tetapi juga menguatkan peranan kedua-dua figura ibu bapa dalam membentuk kesejahteraan anak. Melalui kerjasama ini, pasangan dapat berkongsi pandangan, menyelesaikan masalah secara bersama dan memastikan tindakan yang diambil lebih konsisten serta berkesan. Melalui komunikasi yang terbuka dan sokongan antara pasangan, kesejahteraan dan perkembangan anak dapat dipertingkatkan.

Latar Belakang Pendidikan Ibu Bapa

Hasil temu bual menunjukkan bahawa latar belakang pendidikan memberi pengaruh yang ketara terhadap pendekatan keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa. Ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi cenderung mengamalkan pendekatan keibubapaan seimbang. Mereka juga turut menyokong dan terlibat secara aktif dalam perkembangan anak-anak mereka. Menurut R1, beliau gemar membaca bahan berkaitan keibubapaan sama ada dalam bentuk buku mahupun di media sosial sebagai usaha mendalami ilmu dan memperkukuhkan fahaman tentang cara mendidik anak-anak secara berkesan. Pembacaan ini bukan sahaja membantu memperoleh pengetahuan baharu tentang pelbagai pendekatan keibubapaan malah membolehkannya menilai keberkesanan sesuatu pendekatan sebelum diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Beliau mengatakan pendedahan ini membolehkannya mencuba pelbagai pendekatan mendidik anak-anak mengikut kesesuaian. Katanya:

“Saya gemar membaca bahan berkaitan keibubapaan sama ada dalam bentuk buku ataupun melalui media sosial. Melalui pembacaan ini, saya dapat mempelajari pelbagai cara mendidik anak kerana setiap anak mempunyai keperibadian yang berbeza. Justeru, saya akan menilai kaedah yang sesuai dan mencuba pendekatan tertentu berdasarkan ilmu yang saya ada. Pendekatan ini lebih bersifat *try and error* mengikut kesesuaian anak.”

(R1/3/12)

Hal ini menunjukkan bahawa peserta kajian bukan sahaja membaca atau mendengar ilmu semata-mata malah mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam mendidik anak-anak mengikut keperluan dan keadaan semasa. Melalui pembacaan yang meluas ibu bapa kelihatan lebih bersedia dan bijak dalam menangani pelbagai situasi keibubapaan.

Situasi ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa pendidikan bukan semata-mata berkaitan tahap akademik atau kelulusan formal ibu bapa tetapi turut merangkumi sejauh mana seseorang ibu atau bapa memiliki pengetahuan dalam aspek keibubapaan. Justeru, semakin tinggi tahap kesedaran dan ilmu ibu bapa terhadap tanggungjawab mendidik maka semakin besar peluang untuk mereka memilih pendekatan yang sesuai dan berkesan terhadap anak-anak mereka.

Seterusnya, menurut R3 latar belakang pendidikan dalam bidang Bahasa Arab yang dimiliki oleh beliau telah memberikan pengaruh yang besar dan mendalam terhadap pendekatan keibubapaan yang diamalkan, khususnya dalam membentuk cara beliau mendidik anak-anak dengan berteraskan nilai-nilai Islam. Beliau menyatakan bahawa ilmu bahasa bukan sekadar alat komunikasi bahkan menjadi medium penting untuk mengakses khazanah ilmu agama seperti al-Quran, hadis dan kitab-kitab klasik berbahasa Arab. Kefahaman ini bukan sahaja memperkayakan ilmu keagamaan bahkan membentuk keperibadian beliau sebagai seorang ibu yang lebih peka dan bertanggungjawab dalam mendidik anak-anak selari dengan tuntutan Islam. R3 berkata:

“Saya belajar dalam bidang Bahasa Arab. Mungkin kalau dilihat sekadar pembelajaran bahasa sahaja, kesannya nampak biasa. Namun bagi saya, Bahasa Arab merupakan alat penting yang membuka ruang untuk saya membaca dan memahami pelbagai bahan ilmiah termasuk kitab-kitab berbahasa Arab, al-Quran dan hadis. Pendidikan inilah yang sangat mempengaruhi pembentukan jati diri saya, bukan sahaja sebagai individu Muslim tetapi juga sebagai seorang ibu dalam mendidik anak-anak dengan kefahaman yang lebih mendalam terhadap nilai-nilai Islam.” (R3/37/37)

Hal ini menunjukkan bahawa R3 bukan sahaja memperoleh ilmu melalui pembelajaran formal tetapi juga memanfaatkan pengetahuan yang diperoleh daripada penguasaan bahasa kedua iaitu Bahasa Arab untuk memperdalamkan kefahaman terhadap pelbagai bahan ilmiah yang mungkin tidak dapat diakses oleh mereka yang tidak menguasai bahasa tersebut. Dengan kemahiran dalam Bahasa Arab beliau

mempunyai kelebihan untuk membaca dan memahami kitab-kitab berbahasa Arab termasuk al-Quran dan hadis yang memberi dimensi yang lebih luas dalam memahami prinsip-prinsip keibubapaan berlandaskan nilai-nilai Islam.

Meskipun pembelajaran Bahasa Arab itu sendiri tidak menjanjikan perubahan besar dalam pendekatan keibubapaan namun kemampuan untuk mengakses sumber-sumber ilmu yang lebih mendalam memberikan peluang untuk beliau memperkaya pemahaman dan penerapan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan seharian. Secara tidak langsung, ini memberi kesan positif kepada cara beliau mendidik anak-anak kerana ilmu yang diperoleh lebih komprehensif dan berdasarkan asas yang kukuh. Maka, pengetahuan dalam bahasa kedua memberi kelebihan kepada ibu bapa untuk mengakses pelbagai sumber ilmu secara lebih mendalam, memperkaya pemahaman ibu bapa terhadap pelbagai aspek kehidupan dan membolehkan ibu bapa mengamalkan pendekatan keibubapaan yang lebih berkesan serta membantu mereka membuat keputusan yang lebih baik dalam mendidik anak-anak.

Keseluruhannya, latar belakang pendidikan menjadi antara faktor yang mendorong ibu bapa mengamalkan pendekatan keibubapaan tertentu serta menyumbang kepada pembentukan pendekatan yang lebih berilmu dan selaras dengan keperluan anak-anak.

Pegangan Agama

Hasil temu bual memperlihatkan bahawa faktor agama amat mempengaruhi corak keibubapaan yang menjadi amalan dalam kalangan ibu bapa. Agama bukan sahaja berperanan sebagai panduan dalam urusan ibadah yang bersifat khusus malah mencakupi seluruh aspek kehidupan harian termasuklah dalam hal mendidik, membimbing dan mencorak sahsiah anak-anak. Menurut R2, kefahaman agama secara asas khususnya ilmu Fardu Ain seperti rukun iman dan rukun Islam merupakan tunjang utama dalam membentuk pendekatan keibubapaan yang berkesan. Beliau menegaskan bahawa apabila seseorang itu sudah memahami agama maka secara tidak langsung cara didikannya juga akan dipengaruhi oleh ajaran tersebut. Katanya:

“Bila saya dah faham agama memang sudah tentu ia mempengaruhi cara saya mendidik anak. Bagi saya, perkara paling penting ialah ilmu Fardu Ain kerana ia menjadi asas utama. Rukun iman dan rukun Islam adalah antara perkara teras yang perlu difahami dalam membentuk pendekatan saya dalam mendidik anak-anak.” (R2/20/5)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa pendekatan keibubapaan beliau sangat dipandu oleh kefahaman agama yang dipegang. Kefahaman ini bukan sahaja membentuk cara beliau menyampaikan didikan malah turut mempengaruhi keutamaan beliau dalam membesarkan anak-anak. Keyakinan terhadap nilai-nilai agama menjadikan beliau lebih yakin dalam memilih kaedah yang selari dengan prinsip Islam serta membina asas yang utuh dalam pembentukan sahsiah anak-anak.

Hal yang sama turut ditegaskan oleh R3 yang menyatakan bahawa agama merupakan asas kepada segala peranan yang dimainkan oleh individu dalam kehidupan seharian termasuk sebagai seorang ibu. Menurut beliau, agama tidak hanya terhad kepada soal ibadah seperti solat dan puasa malah meliputi keseluruhan gaya hidup yang perlu selari dengan tuntutan syarak. Beliau melihat peranan sebagai ibu bukan sekadar memenuhi keperluan fizikal anak-anak tetapi turut mencorakkan pemikiran dan sikap mereka agar seiring dengan nilai-nilai yang ditetapkan dalam agama. Justeru segala tindakan dan pendekatan dalam mendidik anak-anak akan sentiasa dirujuk kepada prinsip agama sebagai neraca dalam membuat pertimbangan. R3 menyatakan:

“Agama merupakan perkara yang paling penting. Apabila menyebut tentang agama saya melihat ia sebagai asas utama dalam menjalankan apa jua peranan dalam kehidupan tidak kira sebagai seorang ibu, seorang guru ataupun jiran. Ini kerana agama bukan hanya terbatas kepada ibadah semata-mata bahkan merangkumi seluruh aspek kehidupan sama ada perkara yang kecil mahupun besar. Maka dalam hal mendidik anak-anak saya berpegang teguh kepada ajaran agama dan berusaha mengamalkan apa yang telah digariskan oleh agama dalam setiap tindakan saya” (R3/38/9)

Perkongsian ini menggambarkan bahawa pendekatan yang diamalkan oleh R3 tidak terpisah daripada landasan agama dan nilai-nilai yang diajar oleh Islam. Dalam konteks ini, pengaruh agama bukan sekadar bersifat rohani tetapi juga membentuk prinsip hidup yang memandu ibu bapa dalam setiap aspek kehidupan, termasuk dalam hal mendidik anak-anak. Agama menjadi asas dalam menentukan keputusan-keputusan penting dalam mendidik anak, memastikan setiap tindakan selaras dengan nilai-nilai yang ditetapkan dalam Islam.

Kesimpulannya, pengaruh agama memberi impak yang besar dalam menentukan cara ibu bapa mendidik anak-anak. Ibu bapa yang berpegang kepada ajaran agama lebih cenderung mengamalkan pendekatan yang penuh kasih sayang dan bimbingan selaras dengan nilai-nilai Islam yang menekankan kelembutan. Pendekatan ini bukan sahaja membantu membentuk sahsiah anak-anak tetapi juga memastikan setiap langkah yang diambil dalam mendidik mereka mencerminkan prinsip-prinsip Islam yang sebenar.

Adaptasi dengan Keperluan Semasa

Dapatan kajian telah menemui penemuan baharu berkaitan iaitu faktor adaptasi dengan keperluan semasa turut mempengaruhi pemilihan pendekatan keibubapaan. Ibu bapa kini semakin menyedari bahawa pendekatan yang mereka terima dahulu tidak lagi sepenuhnya sesuai untuk diaplikasikan kepada anak-anak masa kini. Perubahan sosial, kemajuan teknologi, dan cabaran baru dalam pendidikan dan sosial telah mewujudkan konteks yang berbeza berbanding zaman sebelumnya. Hal ini dapat dilihat melalui pandangan R1 yang menyatakan:

“Saya dan suami memilih untuk mengamalkan pendekatan keibubapaan yang lebih sesuai dengan tuntutan zaman kini. Maksudnya, kami mengambil apa yang baik dan relevan dengan keadaan semasa. Sebagai contoh, kita tidak boleh meniru secara bulat-bulat cara didikan yang saya terima dahulu. Saya tidak boleh mengaplikasikan dengan tepat apa yang saya alami pada zaman saya kepada anak-anak saya kerana situasi sekarang sangat berbeza.”

(R1/3/34)

Penyataan ini jelas menunjukkan bahawa ibu bapa kini semakin cermat dalam memilih pendekatan yang lebih serasi dengan perkembangan semasa dan keperluan anak-anak mereka. Mereka tidak hanya terikat kepada pengalaman peribadi atau cara yang diterima pada zaman mereka dahulu, tetapi lebih kepada beradaptasi dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan teknologi. Hal ini menekankan betapa pentingnya ibu bapa untuk memahami dunia anak-anak yang semakin moden dan penuh cabaran kerana pendekatan yang lebih fleksibel serta sesuai dengan keadaan semasa sangat diperlukan.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan keibubapaan dalam kalangan keluarga Muslim masyarakat madani dipengaruhi oleh gabungan faktor peribadi, sosial, pendidikan, pegangan agama dan kemampuan menyesuaikan diri dengan perubahan semasa. Ibu bapa yang mengambil kira pengalaman peribadi dan berusaha memutuskan kesukaran silam, bekerjasama secara harmoni dengan pasangan, menimba ilmu keibubapaan, berpegang kepada prinsip agama dan responsif terhadap cabaran teknologi dan sosial cenderung mengamalkan pendekatan keibubapaan yang lebih seimbang dan adaptif. Kesepaduan faktor-faktor ini bukan sahaja menjamin kesejahteraan psikologi anak-anak, malah berupaya melahirkan generasi Muslim yang berilmu, berdaya saing dan prihatin terhadap keharmonian sosial dalam realiti kehidupan moden. Implikasi praktikalnya, ibu bapa digalakkan memanfaatkan pengalaman lalu secara positif, meningkatkan komunikasi dengan pasangan, menimba ilmu keibubapaan, dan mengamalkan nilai agama dalam mendidik anak. Selain itu, responsif terhadap cabaran semasa seperti teknologi moden adalah penting untuk mendidik anak secara relevan. Institusi agama dan komuniti boleh menyokong dengan menyediakan modul latihan, ceramah dan panduan praktikal bagi memperkukuh nilai keIslaman serta fokus kepada amalan keibubapaan yang seimbang.

PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan buat para peserta kajian yang sedia untuk ditemu bual bagi menjayakan kajian ilmiah ini.

RUJUKAN

Al-Quran

- Aisyah, N. R. (2025). Religious influences on parenting: A cross-cultural examination of faith-based child-rearing practices. *International Journal of Islamic Social Studies* 3(1), 21-43.
- Aktu Y. (2024). The role of parenting stress on parenting self-efficacy and parental burnout among Turkish parents: a moderated mediation model. *BMC psychology*, 12(1), 475. <https://doi.org/10.1186/s40359-024-01980-z>
- Augustijn, L. (2023). Joint Physical Custody and Mothers' Well-Being. An Analysis of Life Satisfaction, Depressiveness, and Stress. *Applied Research Quality Life* 18, 2371–2395. <https://doi.org/10.1007/s11482-023-10190-z>
- Ayoub, M., & Bachir, M. (2025). A meta-analysis of the relations between socioeconomic status and parenting practices. *Psychological Reports*, 128(6), 4470–4494. <https://doi.org/10.1177/00332941231214215>
- Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Belsky, J., Youngblade, L., & Pensky, E. (1989). Childrearing history, marital quality, and maternal affect: Intergenerational transmission in a low-risk sample. *Development and Psychopathology*, 1(4), 291–304. doi:10.1017/S0954579400000481
- Bornstein, M. H., Suwalsky, J. T. D., Hahn, C.-S., and Haynes, O. M. (2001). Socioeconomic status, maternal education, parenting, and infant development. *Manuscript in preparation, National Institute of Child Health and Human Development*, Bethesda, MD.
- Brown, K. M., Pérez-Edgar, K., & Lunkenheimer, E. (2022). Understanding How Child Temperament, Negative Parenting, and Dyadic Parent-Child Behavioral Variability Interact to Influence Externalizing Problems. *Social development (Oxford, England)*, 31(4), 1020–1041. <https://doi.org/10.1111/sode.12601>
- Chen, J. (2026). The relationship between parents' socioeconomic status and children's social development: The mediating role of family rearing styles. *International Journal of Social Science and Education Research*, 9(1), 91–97. [https://doi.org/10.6918/IJOSSER.202601_9\(1\).0011](https://doi.org/10.6918/IJOSSER.202601_9(1).0011)
- Desa. (2015). Kemahiran keibubapaan, kefungsiannya keluarga dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan ibubapa (Parenting skills, family functioning and psychological well-being among parents). *Jurnal Psikologi Malaysia* 29(2), 32- 42.
- Dwinandita, A. (2024). Islamic Child Parenting Practices and Muslim Family Resilience in Southeast Asia: A Systematic Literature Review. *Al-Athfal: Jurnal Pendidikan Anak*, 10(2), 83-105. <https://doi.org/10.14421/al-athfal.2024.102-01>
- Gandarillas, M.A., Elvira-Zorzo, M.N. & Rodríguez-Vera, M. The impact of parenting practices and family economy on psychological wellbeing and learning patterns in higher education students. *Psicol. Refl. Crit.* 37, 8 (2024). <https://doi.org/10.1186/s41155-024-00291-5>
- Hassan, A., Yusoff, F., & Alavi, K. (2014). Pengaruh Faktor Kesepaduan (Kefungsiannya Keluarga) dan Kemahiran Keibubapaan Terhadap Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Ibu Bapa dan Anak. *Sains Humanika*, 3(1). <https://doi.org/10.11113/sh.v3n1.532>
- Ismail, S. ., Md. Ali, A. W. ., Abd Majid, M. ., Usman, A. H. ., Mohamad Rasit, R. ., Aini, Z. ., & Mohd Hamzah Murghayah, S. K. . (2024). Pengamalan Ilmu Keibubapaan Dalam Kalangan Ibu Bapa Muslim di Malaysia. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 11(2), 132–145. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v11i2.201>
- Ismail, S., Mohamad Rasit, R., Aini, Z., Ismail, N., & Mohamad, N. (2020). Cabaran Komunikasi Ibu Bapa Dalam Keluarga Muslim di Selangor: Parents Communication Challenges in Muslim's Family in Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1), 67–77. Retrieved from <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/34>
- Israr, J., & Mazhar, S. (2025). Parenting styles, personality traits and family cohesion among adults. *International Journal of Social Sciences Bulletin*, 3(6), 69-82.

- James, C. E., Kushlev, K. & Dunn, E. W. (2013). Parents Reap What They Sow: Child-Centrism and Parental Well-Being. *Social Psychological and Personality Science*00(0) 1-8. doi:10.1177/1948550613479804
- Lawson, D. W., & Chen, Z. (2025). When parental care hurts: extended parental care and the evolution of overparenting. *Evolution, medicine, and public health*, 13(1), 331–343. <https://doi.org/10.1093/emph/eoaf027>
- Liu, R. (2023). The Role of Gender in Parenting Styles and Their Effects on Child Development. *Proceedings of the 4th International Conference on Educational Innovation and Philosophical Inquiries*. 114-119. DOI: 10.54254/2753-7048/18/20231302
- Masamba, H. (2024). Cultural Influences on Parenting Styles and Child Development. *International Journal of Humanity and Social Sciences* 2 (3), 15-27.
- Miles, M. B., Huberman, A. M., & Johnny Saldaña (2014). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook* (3rd ed.). Sage Publications.
- Mushlih, A. (2024). Parenting Style and Religious Character: The Mediating Role of Worship Discipline. *Edubase : Journal of Basic Education* 6(2), 226-240. <https://doi.org/10.47453/edubase.v6i2.3447>
- Prime, H., Wade, M., & Browne, D. T. (2020). Risk and resilience in family well-being during the COVID-19 pandemic. *The American psychologist*, 75(5), 631–643. <https://doi.org/10.1037/amp0000660>
- Rahmi, R., Ramadhani, R., Nurhasnah, N., Namira, S., & Yaumas, N. E. (2021). Challenges of Parents Educating Children's Morals in Muslim Families. *International Journal of Multidisciplinary Research of Higher Education*, 4(3), 104–110. <https://doi.org/10.24036/ijmurhica.v4i3.90>
- Ramesh, R., & Ramana, G. V. (2023). Relationship between personality and parenting styles. *International Journal of Indian Psychology*, 11(1), 935-943.
- Rich, E. G., Willemse, A., & Erasmus, C. J. (2024). The influence of religion or religious beliefs on parenting practices: a systematic review. *Vulnerable Children and Youth Studies*, 19(2), 356–371. <https://doi.org/10.1080/17450128.2024.2330986>
- S Dharmalingam, G. M., & P. Rajanthiran, R. S. (2020). Implikasi Struktur Keluarga dan Gaya Keibubapaan Terhadap Pencapaian Murid di Tingkatan Peralihan: Kajian Kes di Puchong. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (35), 167-177. DOI: 10.35631/IJEPC.5350015.
- Sahithya, B. R., & Raman, V. (2021). Influence of parental personality on parenting styles: A scoping review of literature. *International Journal of Psychology Sciences*, 3(1), 04-11.
- Samuel, M.I & Changwony, D. (2019). Influence of religion and socio-economic status on parenting styles for students in public secondary schools in Nairobi City County, Kenya. *European Journal of Education Studies*, [S.l.], doi.org/10.46827/ejes.v0i0.2476.
- Schweigert, J. & Tobin. C.T. (2026). Breaking the Cycle: How Parents with Childhood Adversity Perceive Intergenerational Risks. *International Journal of Psychological Studies* 18(1), 1-10. <https://doi.org/10.5539/ijps.v18n1p1>
- Vafaenejad, Z., Elyasi, F., Moosazadeh, M., & Shahhosseini, Z. (2020). Investigating the predictive role of personality traits on parenting styles in couples of 6-12 years children. *European Journal of Environment and Public Health*, 4(2), em0041.
- Wang, J., Huang, X., Li, Z. et al. (2024). Effect of parenting style on the emotional and behavioral problems among Chinese adolescents: the mediating effect of resilience. *BMC Public Health* 24, 787. <https://doi.org/10.1186/s12889-024-18167-9>
- Woods-Jaeger BA, Cho B, Sexton CC, Slagel L, Goggin K. Promoting Resilience: Breaking the Intergenerational Cycle of Adverse Childhood Experiences. *Health Education & Behavior*. 2018;45(5):772-780. doi:10.1177/1090198117752785
- Wright, A. J., & Jackson, J. J. (2024). Is parent personality associated with adolescent outcomes for their child? A response surface analysis approach. *Infant and Child Development*, 33(2), e2395. <https://doi.org/10.1002/icd.2395>
- Wu K, Wang F, Wang W and Li Y (2022) Parents' Education Anxiety and Children's Academic Burnout: The Role of Parental Burnout and Family Function. *Front. Psychol.* 12:764824. doi: 10.3389/fpsyg.2021.764824
- Yaffe Y, Roman NV and Alt D (2024) Editorial: New directions and trends in parenting research. *Front. Psychol.* 15:1476190. doi: 10.3389/fpsyg.2024.1476190